

Malaysia rangka pelan tindakan kebangsaan

(D)

11 JULAI 1991

KUALA LUMPUR 18 Julai — Malaysia akan menyediakan rangka pelan tindakan kebangsaan bagi pelaksanaan Deklarasi Sedunia mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak sebelum akhir tahun ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dalam mewujudkan pelan itu, tumpuan akan diberikan kepada kebajikan kanak-kanak yang melibatkan usaha membanteras penganiayaan, kemiskinan dan rawatan untuk penyakit biasa melalui program pelalian.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menandatangani Deklarasi Sedunia mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Turut menjadi saksi Perdana Menteri menandatangani deklarasi tersebut ialah kanak-kanak pelbagai kaum dari seluruh negara.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai program membasmi kemiskinan dengan memberi tumpuan kepada mutu kesihatan kanak-kanak.

"Kita telah mencapai banyak kejayaan sehingga ini di mana di setengah - setengah bidang kita mendahului Amerika Syarikat, umpamanya dalam bidang pelalian seperti hepatitis B dan rubella.

"Pada masa yang sama, taraf kesihatan juga telah ditingkatkan di mana banyak penyakit biasa umpamanya malaria sudah hampir tiada tuberculosis (TB) sudah tiada lagi.

"Saya bangga untuk memaklumkan kepada UNICEF bahawa Malaysia telahpun mencapai beberapa perkara yang ditetapkan sebagai keutamaan antarabangsa dan bakinya akan dicapai melalui program berkaitan sedang berjalan," tegas beliau lagi.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, pelan tindakan kebangsaan yang akan dibentuk itu akan mengambil kira semua penyakit.

Pada masa yang sama, katanya, perhatian serius akan diberi kepada usaha membanteras penyakit AIDS yang sekarang ini menjadi satu perkara yang amat berbahaya agar ia tidak berkembang di negara ini.

Terdahulu, ketika berucap di upacara tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan menentukan bahawa keperluan kanak-kanak akan diberi perhatian yang serius dalam melaksanakan program pembangunan negara.

Katanya, kerjasama dan penglibatan semua sektor, agensi, pihak swasta, pertubuhan sukarela dan kumpulan masyarakat dalam usaha tersebut adalah diharagai.

Beliau menegaskan, keutamaan akan diberikan kepada isu-isu berkaitan dengan deklarasi ini untuk memudahkan pelaksanaannya ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh negara.

"Adalah menjadi satu kenyataan bahawa kanak-kanak adalah kekayaan negara dan oleh itu mereka memerlukan perhatian dan penjagaan istimewa.

"Mereka perlu dilengkapi dengan pendidikan, kemahiran serta nilai hidup positif sebagai bakal generasi muda yang bakal menggantikan generasi sekarang di masa akan datang," jelas beliau.

Upacara menandatangani deklarasi itu adalah ekoran dari sidang kemuncak sedunia mengenai kanak-kanak yang telah diadakan di New York, September tahun lalu.